

Praktis Peperiksaan Akhir Tahun T4

Set 3: Soalan 10

Imbangan duga berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Joy pada 31 Mei 2023.

	RM	RM
Modal		28,106
Belian dan Jualan	59,894	178,237
Pulangan	1,547	985
Gaji	45,482	
Belanja am	36,500	
Insurans	854	
Sewa	2,600	
Kadar bayaran	1,654	
Promosi	2,460	
Belanja kenderaan	1,249	
Hutang lapuk	384	
Diskaun	244	132
Ambilan	6,000	
Tunai	500	
Bank		2,462
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	27,584	21,540
Inventori 1 Jun 2022	29,500	
Kelengkapan (Kos)	9,500	
Susut Nilai Berkumpul kelengkapan		3,400
Kenderaan	15,400	
Susut Nilai Berkumpul Kenderaan		5,240
Peruntukan hutang ragu		1,250
	241,352	241,352

Maklumat tambahan:

1. Inventori pada 31 Mei 2023 dinilai RM34,500 pada harga kos dan RM97,650 pada harga pasaran.
2. Sewa dibayar setiap suku tahun. Sewa dibayar termasuk RM600 bagi suku tahun berakhir 30 Jun 2023.
3. Kadar bayaran belum bayar RM340.
4. Hutang sebanyak RM664 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
5. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas baki Akaun Belum Terima.
6. Sepanjang tahun kewangan, barang niaga telah diambil untuk tujuan berikut:
 - Promosi RM750
 - Kegunaan peribadi RM500
7. Kadar susut nilai adalah seperti berikut:
 - Kelengkapan 15% setahun atas baki berkurangan
 - Kenderaan 20% setahun atas kos

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mei 2023.
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2023.